

Pemantapan Literasi Siswa Berkaitan Ekonomi Malaysia: Satu Ekplorasi

*Strengthening of University Students Literacy on the Malaysian Economy:
An Exploration*

Azila Ab Razak (azila@fpe.upsi.edu.my)
Fidlizan Muhammad (fidlizan@fpe.upsi.edu.my)
Mohd Yahya Mohd Hussin (yahya@fpe.upsi.edu.my)
Ramlee Ismail (ramlee@fpe.upsi.edu.my)
Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan & Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan mengeksplorasi tahap literasi pelajar terhadap dasar-dasar ekonomi yang dilaksanakan di Malaysia. Dalam kajian ini, seramai 300 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar dalam pelbagai jurusan dan tahun pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak digunakan sebagai sampel kajian. Pengukuran literasi ini dilaksanakan berdasarkan tiga ciri iaitu minat, kedalaman pengetahuan dan juga keupayaan untuk menyampaikan atau berkomunikasi. Hasil analisis min bagi ketiga-tiga ciri ini, didapati tahap literasi secara keseluruhannya adalah sederhana. Dapatan ini secara tidak langsung memberi implikasi berpanjangan terhadap pencapaian matlamat daripada usaha-usaha atau polisi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Kata Kunci: Literasi, Dasar Ekonomi

PENGENALAN

Kemajuan sesuatu bangsa atau negara adalah berteraskan kepada tingkat pengetahuan yang dipunyai oleh individu dalam sesebuah negara. Berpaksikan ilmu pengetahuan, sesebuah negara dapat membangunkan pelbagai bidang yang dikehendaki. Senario ini turut ditegaskan dalam ajaran Islam dengan permulaan wahyu Ilahi yang menyeru pesuruhnya, Nabi Muhammad S.A.W. untuk menguasai ilmu. Kepentingan dalam penguasaan dalam pelbagai bidang pengetahuan kini amat kritikal memandangkan ia memberikan implikasi kepada jurang atau “perangkap” dalam kehidupan seharian.

Antara bidang pengetahuan penting yang perlu dipelajari oleh individu kini adalah berkaitan ekonomi (Johnston, 2005). Menurutnya, pendidikan merupakan wang. Hal ini dijustifikasikan kepada nilai pendapatan yang bakal diperoleh oleh individu ditentukan oleh kelayakan akademik yang dimiliki. Keadaan ini akan mencorakkan kehidupan masa hadapan meliputi aspek kesihatan, pendidikan anak-anak, kekayaan, perundangan dan sebagainya.

Dari segi pembangunan sesebuah negara, pemahaman yang jelas dalam kalangan masyarakat membolehkan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dilaksanakan dengan lancar. Hal ini penting bagi memastikan dasar yang diwujudkan oleh kerajaan mendapat sokongan penuh daripada masyarakat di sesebuah negara. Penekanan penting usaha memantapkan pengetahuan ini dapat dilihat kepada pelaburan besar yang dibelanjakan oleh pihak kerajaan terhadap sektor pendidikan. Memandangkan pelajar di institusi pengajian tinggi merupakan kelompok kumpulan yang mendapat pendedahan maklumat langsung dan tidak langsung daripada pelaksanaan dasar-dasar kerajaan, maka kajian ini cuba menyelidiki tahap literasi golongan ini terhadap dasar-dasar yang berkaitan ekonomi di Malaysia khususnya.

Kajian berkaitan literasi semakin mendapat tumpuan pada masa kini dalam pelbagai bidang pengajian. Antara bidang pengajian yang mempunyai petunjuk yang jelas adalah tahap penguasaan Ilmu Matematik dan Sains dalam kalangan pelajar sekolah. Indikator ini dapat diteliti dalam laporan *The Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS). Bagi bidang pengajian lain, kajian pengukuran semakin banyak dilakukan. Secara khusus berkaitan literasi ekonomi, terdapat banyak kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan. Antaranya ialah Brenner (1999), Harris (1999),

Walstad (1992), Walstad dan Larsen (1992). Kajian-kajian ini tertumpu di negara Amerika Syarikat. Antara dapatan penting diperoleh dalam kajian-kajian ini adalah penguasaan ekonomi yang rendah dalam kalangan pelajar sekolah tinggi disebabkan pendedahan yang sedikit. Asas kepada pengajian ekonomi penting dan perlu dikuasai oleh pelajar bagi membolehkan golongan ini membuat keputusan dalam kehidupan secara lebih baik (Miller, 1991). Dalam kajian oleh Fettig (1998) berkaitan tindakan kerajaan mengurangkan perbelanjaan dan penawaran wang bagi mengatasi masalah inflasi, hanya 30% daripada responden memahami tindakan tersebut. Kepentingan bidang ekonomi dalam memahami senario dan kehidupan harian dibuktikan dalam kajian oleh Timothy, Thomas dan Scott (2009). Secara perbandingan, keputusan ekonomi dalam kalangan individu yang memahami ekonomi adalah berbeza dengan golongan yang tidak memahami ekonomi.

Di Malaysia, kajian yang diteliti didapati analisisnya cenderung kepada ujian pencapaian akademik. Kajian oleh Mansor, Teh dan Yeoh (1992) dalam kalangan pelajar ekonomi pada pelbagai tahun pengajian di UM, mendapati peratus kelulusan semakin merosot dengan peningkatan tahun pengajian. Walaubagaimanapun, pencapaian ini tidak menunjukkan maksud literasi memaamandakan tidak semua ilmu yang dipelajari dalam pengajian tinggi diaplikasikan secara signifikan dalam kehidupan seharian.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mendapatkan dapatan awalan terhadap tahap literasi ekonomi dalam kalangan pelajar pengajian tinggi di Malaysia, seramai 300 orang pelajar dipilih bagi mendapatkan persepsi pengetahuan mereka terhadap 21 item yang berkaitan ekonomi Malaysia. Responden yang dipilih dalam kajian ini meliputi pelbagai bidang dan tahap pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda. Untuk mendapatkan nilai literasi ini, tiga aras pengetahuan (*taxonomy*) digunakan iaitu minat, kedalaman pengetahuan dan keupayaan untuk menyampai atau berkomunikasi berkaitan tajuk-tajuk ekonomi yang diajukan. Skala likert 1 hingga 5 digunakan bagi tujuan pengukuran ini. Minat merujuk kepada sifat responden yang mengambil tahu perkara-perkara asas yang berkaitan dasar. Petunjuk ini secara tidak langsung menunjukkan tahap eksplorasi atau pendedahan untuk mengetahui perkara-perkara penting dalam sesuatu dasar. Kedalaman pengetahuan pula merujuk kepada kepekaan mendalam responden untuk mengetahui secara lebih terperinci melibatkan kebaikan dan kekurangan sesuatu dasar. Manakala, keupayaan untuk menyampai pula adalah peringkat tertinggi yang menunjukkan penguasaan responden terhadap sesuatu perkara dengan kesediaan untuk berbincang, bercerita dan berhujah dengan inti pati yang diperoleh.

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada analisis yang diperoleh, dapat ditunjukkan dalam Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3. Jadual 1 merujuk kepada demografi responden secara keseluruhan, manakala Jadual 2 pula merujuk kepada nilai kesahan instrumen.

JADUAL 1: Demografi Responden

Jantina	
Lelaki	124 orang
Perempuan	176 orang
Kelayakan Masuk Universiti	
STPM	191 orang
Matrikulasi	53 orang
Diploma	55 orang
Lain-lain	1 orang
Tahap Pembelajaran Ekonomi	
SPM	60 orang
STPM	74 orang
Matrikulasi	9 orang
Diploma	6 orang

Berdasarkan analisis pendedahan pengetahuan kepada asas ekonomi pada peringkat sekolah, didapati pecahan responden yang memiliki asas ekonomi dan tiada asas ekonomi adalah setara. Dari sudut jantina pula, bilangan responden perempuan 58% berbanding 42% responden lelaki.

JADUAL 2: Kesahan Instrumen Literasi

Bahagian	Nilai Alpha Cronbach
Minat	0.932
Kedalaman pengetahuan	0.931
Penyampaian	0.638

Jadual 2 pula menunjukkan bahawa instrumen yang dibentuk dapat menggambarkan tahap literasi responden terhadap dasar-dasar ekonomi kerajaan. Hal ini ditunjukkan oleh nilai Cronbach minimum yang melebihi 0.6 (Creswell, 2003). Memandangkan nilai kesahan yang baik diperoleh, maka analisis lanjut dapat dijalankan.

Tahap literasi ekonomi yang berkaitan dasar-dasar ekonomi kerajaan di Malaysia ditunjukkan dalam Jadual 3.

JADUAL 3: Pengetahuan, Minat dan Keupayaan Berkongsi Berkaitan Ekonomi Malaysia.

Bil.	Dasar-dasar kerajaan	Kedalaman		
		Minat	Pengetahuan	Penyampaian
1	Dasar Ekonomi Baru	3.0333	3.2133	2.9633
2	Model Baharu Ekonomi (MBE)	2.8867	3.0400	2.7567
3	Bajet Tahunan	3.2033	3.2500	2.9600
4	Dasar Kewangan	2.9867	3.1000	2.7300
5	Pertanian	3.2367	3.3833	3.0067
6	Ekuiti Bumiputera	2.8500	2.8700	2.5733
7	Percukaian	2.9700	3.1267	2.7933
8	Dinar	2.8933	2.8867	2.6200
9	Institusi Perbankan Islam	3.1267	3.2100	2.8933
10	Dasar Fiskal	2.8300	2.8100	2.5467
11	Pembuatan	2.8933	3.0000	2.7667
12	Automotif	3.0367	2.9833	2.8300
13	Perkhidmatan	3.2800	3.3167	3.0533
14	Sistem Kewangan Malaysia	3.0233	3.1367	2.8467
15	Pasaran Saham	2.9233	2.9800	2.6733
16	Eksport / Import	4.3433	3.3367	3.0700
17	Imbangan Perdagangan	2.9100	2.8967	2.6667
18	Program Transformasi Kerajaan (GTP)	2.6233	2.6667	2.4567
19	Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)	2.6167	2.7800	2.5200
20	Peranan Malaysia dalam OIC	2.8100	3.0167	2.7700
21	Peranan Malaysia dalam ASEAN	2.9133	3.0867	2.8200

Berdasarkan Jadual 3, secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap literasi adalah sederhana. Secara spesifik, beberapa kesimpulan diperoleh.

- Responden menunjukkan kecenderungan untuk lebih mendalami berkaitan dasar-dasar ekonomi. Hal ini ditunjukkan oleh nilai min bagi bahagian kedalaman pengetahuan yang bertambah bagi kebanyakan ítem/ dasar.
- Responden mempunyai kecenderungan untuk menambahkan pengetahuan, namun kesediaan untuk berkongsi maklumat yang diperoleh adalah kecil. Ini ditunjukkan oleh nilai penyampaian yang lebih kecil berbanding nilai kedalaman pengetahuan. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan sifat responden sendiri. Memandangkan keadaan ini berlaku, penekanan dalam aspek pembentukan sahsiah dan keyakinan diri perlu dititikberatkan dalam konsep pengajaran dan pembelajaran

- c) Bagi dasar-dasar baru yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam tempoh kebelakangan ini seperti GTP, NKRA, MBE menunjukkan nilai yang lebih kecil berbanding dengan dasar-dasar lama kerajaan. Hal ini berkemungkinan dapat disandarkan kepada kesediaan bahan bacaan serta rujukan yang lebih mudah dicapai berbanding dasar baharu. Selain itu, kurangnya penerangan daripada pihak yang terlibat secara langsung dengan dasar tersebut, akan mengambil masa bagi membolehkan responden atau masyarakat memahami matlamat sesuatu dasar.

KESIMPULAN

Kertas kerja ini bertujuan mengeksplorasi literasi ekonomi secara khusus berkenaan dasar-dasar ekonomi di Malaysia dalam kalangan pelajar pengajian tinggi. Berdasarkan dapatan analisis, didapati bahawa tahap literasi yang ditunjukkan adalah sederhana. Namun demikian, responden menunjukkan kecenderungan untuk mendalami berkaitan dasar-dasar berkaitan. Hal ini berkemungkinan bersangkutan dengan fungsi responden yang bakal berkhidmat sebagai guru pada masa hadapan. Bagi menguatkan lagi pencapaian dasar –dasar negara ini untuk disampaikan kepada masyarakat secara lebih berkesan, usaha meningkatkan keyakinan diri perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak. Ia meliputi penyediaan bahan rujukan, penerangan pihak berkaitan, akses maklumat serta keterbukaan untuk sesi perbincangan yang lebih ilmiah.

RUJUKAN

- Brenner, L. (1999). *What we need to know about money*. Parade, April 19, pp.4-6.
- Creswell, J. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks, California: Sage Publications
- Dempsey, J.R., Meszaros, B.T. Suiter, M. (1999). *Unraveling the mystery of working with schools: a handbook for effective school programs*. Washington: National Council on Economic Education
- Fettig, D. (1998) "The Minneapolis Fed's National Economic Literacy Survey," in David Fettig, ed., *The Region, Federal Reserve Bank of Minneapolis*, 12, 12 – 15.
- Harris, Louis dan Associates, (1999). "Literacy Survey: *Results from The Standards in Economics Survey*." Diperoleh pada Oktober 18, 2011 daripada <http://www.nationalcouncil.org/poll/results/html>.
- Mansor Md. Isa, Teh, Hoe Yoke & Yeoh, Kok Kheng. (1992). An evaluation of performance of economics students: the case of the faculty of economics and administration, University of Malaya. In Seminar Kebangsaan Program Ekonomi di Universiti: Suatu Penilaian Semula. (ms. 255-268). Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Miller, S. (1991). The case for economic education in the school curriculum. *Effective Economic Education in the Schools*. Washington, DC: National Council on Economic Education.
- Timothy A. Wunder, Thomas Kemp & Scott England. (2009). Fact Based Economic Education. *Journal of Economic Issues*, 43(2), 467 – 475
- Walstad, W. B. (1992). "Economics Instruction in High Schools," *Journal of Economic Literature*, 30(4), 2019-2051
- Walstad, W. B. dan Larsen, M. (1992). "A National Survey of American Economic Literacy," *Lincoln, Nebraska: Gallup Organization, Inc.*, 1992.